

Pengajaran dan Pembelajaran Tafsir di IPT di Selangor

Kod Projek: UKM- PTS-032-2009

*Ismail Yusoff (Ketua Projek), Latifah Abdul Majid, Mohd. Akil Muhamed Ali,
Muhd. Najib Abdul Kadir & Wan Nasyrudin Wan Abdullah*

Jabatan Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

Pengenalan / Pernyataan Masalah

Kerajaan Malaysia menerusi polisi pendidikannya sentiasa menitikberatkan keperluan dan kepentingan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi Islam. Justeru, dalam usaha melahirkan graduan yang berkualiti menurut al-Qur'an dan al-Sunnah selaras dengan hasrat kerajaan, maka pengajian tafsir telah dijadikan sebagai subjek utama pengajaran/modul dikebanyakkan Institusi pengajian tinggi Islam khususnya di UKM dan UM, diharapkan para pelajar di Institusi tersebut dijangkakan mampu menguasai Ilmu tafsir dan ulum al-Qur'an dengan baik, bercirikan insan yang berinovasi serta beraklaq mulia untuk memenuhi keperluan Negara dan antarabangsa. Namun, perubahan dunia dan teknologinya yang pesat sedikit sebanyak memberi kesan kepada pengajian Ilmu-Ilmu Islam terutamanya dalam bidang tafsir al-Qur'an. Bertitik tolak dari sinilah kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti keberkesanan dan kefahaman pelajar dari sistem pengajaran dan pembelajaran Ilmu tafsir di kedua Institusi tersebut iaitu di Fakulti Pengajian Islam UKM dan Akademi Pengajian Islam UM. UKM dan UM dipilih kerana kedua-dua Institusi ini terdapat dua jabatan yang sama dalam pengajian mengenai tafsir al-Qur'an, iaitu di UKM Jabatan Pengajian al-Qur'an Dan al-Sunnah , manakala di UM Jabatan Pengajian Tafsir Dan Hadith.

Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah bagi meningkatkan tahap keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran subjek tafsir di IPT dalam membantu melahirkan lebih ramai graduan pengajian Islam umumnya dan pengajian Tafsir al-Qur'an khususnya sebagai graduan yang berkualiti dan selaras dengan kehendak semasa. Bagi mencapai tujuan ini beberapa objektif di rangkakan.

1. Untuk mengenal pasti tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran tafsir terhadap pelajar.
2. Untuk mengenal pasti aspek perbezaan dan persamaan pengajaran dan pembelajaran Tafsir al-Qur'an di UKM dan UM.

3. Untuk mengenal pasti masalah dan langkah penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran tafsir dalam konteks penguasaan Ilmu tafsir oleh pelajar.

METODE KAJIAN

Kajian berkaitan pengajian tafsir di IPT khususnya di UKM dan UM ini adalah berdasarkan DUA kaedah utama iaitu kaedah kajian analisis dokumen (keputakaan) dan kajian lapangan. Kedua-dua kaedah ini di manfaatkan demi memperoleh satu hasil yang dapat dipertanggungjawabkan. Kajian analisis dokumen adalah satu kajian utama dalam memperoleh bahan-bahan yang mengandungi sejarah perkembangan pengajian tafsir di Malaysia seperti buku-buku, penulisan Ilmiah dan tesis-tesis serta kajian penyelidikan sebelum ini yang mengkaji kurikulum dan pengajian tafsir dibaca dan bahan-bahan ini merupakan asas dalam memulakan kajian ini. Manakala kajian lapangan mengenai pengajaran dan pembelajaran tafsir al-Qur'an di Institusi pengajian tinggi di Selangor amat memerlukan pengumpulan data di lapangan. Sehubungan itu, metod pengumpulan jenis semak digunakan di samping menggunakan beberapa teknik yang berkaitan dengan metod itu. Antara teknik yang dimanfaatkan untuk mendapatkan data di lapangan ialah soal selidik dan temu bual.

DAPATAN KAJIAN

Daripada perbincangan dan kajian yang dilakukan dapatlah dinyatakan bahawa pendekatan pengajaran dan pembelajaran, perkaedahan pengajaran tafsir, sukatan mata pelajaran serta penilaian pengajaran tafsir berada pada tahap memuaskan. Namun begitu terdapat beberapa aspek yang harus diberi penekanan serta penambahbaikan pada kesemua pemboleh ubah. Kajian mendapati corak pengajaran dan pembelajaran yang digunakan di UKM dan UM tidak mempunyai perbezaan. Namun begitu terdapat beberapa perbezaan kecil di antara kedua-dua buah Institusi ini iaitu pada penawaran matapelajaran mengikut kesesuaian semester, bilangan keseluruhan jam kredit serta perbezaan subjek-subjek yang ditawarkan sepanjang semester.